



## **TEKS UCAPAN**

**YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN**

**DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'AZUMU**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM BUMI HIJAU NEGERI PERAK**

**KHAMIS 25 JUN 2020**

**10 PAGI**

**PEJABAT MENTERI BESAR**

Assalamualaikum Warahmatulla Hi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrohmanirrahim

Alhamdulillah Hi Robbil Alamin. Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya' Iwalmursalin, Saidina Muhamadin Sallallahu Alaihi Wasallam, Wa'ala Alihi Washohbihai Ajmain.

Yang Berhormat Dato' Abdul Yunus Jamahri  
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan  
Sekuriti Makanan Negeri Perak

Yang Berbahagia Puan Norsiyenti binti Othman  
Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak

Rakan-rakan media,

Saudara dan saudari mogamoga dirahmati Allah sekalian,

1. Alhamdulillah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya juga kita dapat bersama di majlis Pelancaran Program Bumi Hijau Peringkat Negeri Perak pada hari ini.
2. Tahniah dan syabas kepada Jabatan Pertanian Negeri Perak di atas penganjuran majlis yang amat bermakna ini. Seperkara yang jelas, majlis kita pada hari ini berlangsung begitu ringkas, tidak seperti tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah norma baharu yang kita perlu amalkan memandangkan kita masih berperang melawan pandemik Covid-19. Biarpun majlis berskala kecil, tetapi tak mengapalah, kerana apa yang penting adalah iltizam kita untuk menjunjung agenda menghijaukan bumi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Sudah tentu kita semua merasa terkesan dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020

yang lalu. Hampir semua aktiviti sosial dan ekonomi terpaksa dihentikan bagi memutuskan rantai penularan wabak merbahaya ini. Tidak pernah dalam sejarah negara kita, malahan sejarah dunia, kita semua terpaksa berkurung di rumah untuk tempoh masa yang begitu lama. Malah ramai juga yang bersedih sebab tak dapat pulang ke kampung halaman untuk menyambut hari raya Aidilfitri.

4. Hasil pengorbanan pasukan barisan hadapan dan kerjasama baik yang ditunjukkan oleh rakyat, kita telah berjaya mengekang pandemik ini. Alhamdulillah, kita sudah mampu melihat cahaya di hujung terowong. Walaupun kita masih belum menang sepenuhnya, tetapi in shaa Allah, awan mendung hitam itu akan berarak pergi dan cahaya mentari akan kembali bersinar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Di sebalik ujian yang besar ini, ada hikmah yang terselindung. Kita melihat bagaimana sungai-sungai kita yang selama ini keruh dan tercemar, bertukar menjadi jernih. Mungkin ada di antara anak-anak kita yang tak pernah lihat betapa indahnya sungai kita sebelum ini.

6. Dalam tempoh dua bulan pelaksanaan PKP, udara kita juga menjadi lebih bersih. Bacaan Indeks Pencemaran Udara telah menurun ke tahap sederhana, malahan beberapa kawasan mencatatkan bacaan kualiti udara di tahap baik.

7. Pendek kata, pandemik Covid-19 ini secara tidak langsung memberi ‘nafas baharu’ kepada alam sekitar. Pengurangan mendadak penghasilan karbon dioksida yang dihasilkan oleh asap kenderaan dan

aktiviti perindustrian memberikan ruang kepada alam ini melalui proses proses ‘penyembuhan’ (self-healing). Ini secara tidak langsung mengajak kita untuk berfikir – pasti ada caranya untuk kita kurangkan impak aktiviti manusia terhadap alam sekitar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pandemik Covid-19 yang memaksa penutupan aktiviti ekonomi dan perdangangan dunia juga membuka mata kita kepada satu lagi pengajaran, yakni negara ini masih belum mencapai status jaminan makanan sepenuhnya. Kita masih banyak bergantung kepada bekalan makanan yang diimport dari negara luar. Kebergantungan ini menjadikan negara dan rakyat terdedah kepada risiko krisis yang besar apabila bekalan makanan ini tidak dapat diimpot untuk tempoh yang panjang.
9. Justeru, adalah menjadi tanggugjawab kita sebagai rakyat jelata untuk menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah mengenai peri pentingnya kita memberi tumpuan kepada memperkasa sektor pertanian bagi menjamin bekalan makanan negara.
10. Bagi menyahut titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan mengenai jaminan bekalan negara, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) juga telah dan sedang menggerakkan agenda mewujudkan hampir satu ribu usahawan tani menerusi Skim Usahawan Agrotani.
11. Di antara projek-projek tersebut adalah:

- i. **Projek Urban Farming**- pembangunan urban farming secara fertigasi bagi Kawasan 700 ekar bagi seluruh negeri perak dengan sasaran 140 usahawan
  - ii. **Skim Usahawan Pertanian Perak Agriculture Integrated Valley (PAIV)** – *di Lenggong seluas 600 ekar untuk manfaat 400 peserta ladang kontrak bagi tanaman kontan*
  - iii. **Skim Projek Rintis Ladang Usahawan Graduan Senggang**- *seluas 1000 ekar di Kuala Kangsar khusus buat graduan menganggur seramai 200 orang*
  - iv. **Skim Pertanian Nanas Perak**- *seluas 143 ekar untuk 80 orang usahawan agrotani*
  - v. **Program Pembangunan Usahawan PPPNP (Pinjaman Kewangan Tanpa Faedah dan Geran)**- *melalui 170 orang usahawan agrotani dalam bidang penternakan, perikanan, pertanian dan komersial asas tani*
12. Sebelum ini juga, saya telah mengarahkan semua agensi dan badan berkanun negeri untuk memastikan tidak ada tanah-tanah mereka yang dibiarkan tanpa aktiviti. Tanah yang kosong perlu dimanfaatkan untuk projek-projek pertanian termasuk ‘urban farming’.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Pentadbiran kerajaan Negeri Perak mengalu-alukan inisiatif Program Tanaman Bumi Hijau 2020 ini bagi menggerakkan agenda memperkasa aktiviti pertanian di kalangan masyarakat. Di bawah program ini, kerajaan negeri memperuntukkan RM0.79 juta untuk menyediakan kit Pakej Bumi Hijau. Kita sasarkan program ini akan memberi manfaat kepada 11,081 isi rumah.
14. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan masyarakat menanam sendiri sayur-sayuran dan buah-buahan di halaman rumah. Kita berharap usaha ini dapat mencetuskan lalu menyemai kecintaan masyarakat terhadap bidang pertanian, bermula dengan mengusahakan ‘Kitchen garden’ atau taman sayur di halaman masing-masing.
15. Usaha ini bukan sahaja sahaja membantu menghijaukan bumi kita, malah ia juga memberi pulangan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk mengurangkan perbelanjaan dapur, seterusnya menurunkan kos sara hidup.
16. Selain menjimatkan belanja, Mak Cik Kiah, Encik Sugu dan Puan Pavitra serta Encik Lim dapat makanan sayur dan buah-buahan segar yang bebas daripada penggunaan bahan kimia. Misi jangka panjang kita, adalah untuk mewujudkan komuniti contoh.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Kempen Hijaukan Bumi ini juga bertepatan sekali dengan iltizam Kerajaan Negeri menggerakkan Inisiatif Menangani Perubahan Iklim. Kita akui adalah mustahil untuk mengembalikan semula ketulenan alam

semulajadi seperti mana sebelum bermulanya Revolusi Perindustrian pada Kurun Ke-18 lalu.

18. Tetapi setiap daripada kita ada tanggungjawab untuk mengurangkan kesan perubahan iklim ini. Agenda ini tidak akan mampu untuk dapat dicapai tanpa penglibatan semua pihak – kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan segenap lapisan masyarakat.
19. Ia bermula dengan sekecil-kecil tindakan dengan menghijaukan persekitaran kediaman kita, mendidik anak-anak untuk mencintai alam sekitar, amalkan budaya kebersihan. Kita tak buang sampah merata-rata, kita tak cemarkan sungai kita. Didik diri kita dan anak-anak untuk asingkan sisa dari rumah supaya mereka faham akan kepentingan kitar semula.
20. Semua ini perlu bermula dari setiap unit sel dalam komuniti – iaitu keluarga kita sendiri. Semua ini tidak akan berlaku dalam sekelip mata. Rakyat Jepun mengambil masa puluhan tahun untuk memupuk budaya ini. Ia adalah perjalanan yang panjang, tetapi kita perlu mulakan dengan langkah pertama.
21. Sama ada kita mampu mewariskan dunia yang selamat kepada anak cucu kita amat bergantung kepada tindakan kita pada hari ini. Oleh itu, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk buat pilihan. Bermula hari ini, kita buat keputusan untuk menjadi sebahagian daripada misi selamatkan bumi ini untuk generasi masa depan.
22. Kegagalan bukanlah pilihan, **failing is not an option**. Kita tak punyai banyak masa. Pandemik Covid-19 membuktikan jika kita bersatu

hati untuk kurangkan kesan aktiviti manusian terhadap alam, kita punya peluang untuk memperbetulkan keadaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali ucapkan tahniah dan syabas kepada YB Dato Abdul Yunus dan pihak Jabatan Pertanian Negeri Perak di atas penganjuran majlis pada hari ini. Kita doakan semoga usaha ini akan menjadi pemangkin kepada usaha menyemai kecintaan kepada usaha menghijaukan bumi Perak Darul Ridzuan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Program Bumi Hijau Negeri Perak tahun 2020.

Sekian, wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.